

Akulturasikan Peranakan Cina di Tirok, Terengganu

TAN YAO SUA

PENGENALAN

Peranakan Cina adalah kumpulan subetnik Cina yang unik di Malaysia. Mereka adalah hasil akulturasi yang berpunca daripada interaksi sosial dengan orang Melayu. Akulturasi dalam konteks kajian ini merujuk kepada penerimaan di kalangan golongan peranakan ini ciri budaya golongan dominan Melayu (Marger 2003). Sehubungan itu, akulturasi itu membabitkan pertukaran ciri budaya kumpulan etnik peranakan Cina susulan interaksinya dengan kumpulan etnik atau budaya yang lain (Banks 1999). Akibat akulturasi itu, peranakan Cina di Malaysia dianggap orang Cina totok sebagai 'separuh Cina separuh Melayu'. Mereka sebenarnya telah membentuk komuniti hibrid yang berkembang secara tersendiri. Istilah peranakan Cina secara amnya juga merangkumi kumpulan Baba. Baba merujuk khas kepada peranakan Cina di Melaka dan Singapura (Tan 1993). Selain itu, ada dua pusat peranakan Cina di pantai timur Semenanjung Malaysia. Satunya terletak di Kelantan, manakala yang satu lagi di Terengganu. Peranakan Cina di Terengganu adalah tumpuan perhatian kajian ini.

Terengganu adalah negeri yang didominasi orang Melayu. Sehubungan itu, orang Cina di Terengganu adalah golongan minoriti, hanya 2.43 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk negeri itu (Unit Perancangan Ekonomi Negeri Terengganu 2008). Kebanyakan orang Cina di Terengganu menetap di Kuala Terengganu, iaitu ibu negerinya. Mereka menetap di dua buah perkampungan yang terletak bersebelahan, iaitu Kampung Banggul Kemang dan Kampung Tirok, kira-kira tujuh belas kilometer dari Kuala Terengganu. Kedua-dua perkampungan ini terletak di tepi Jalan Serada (satu-satunya jalan yang membelahi kedua-dua buah perkampungan itu) dengan dikelilingi beberapa buah perkampungan Melayu, iaitu Pengadang Baru, Kampung Beladan, Kampung Banggul Chempedak, Kampung Baru Serada, Kampung Banggul Tok Ku dan Kampung Banggul Mempelam (Tan 2002). Jalan Serada bermula dari persimpangan di Pengadang Baru (kira-kira tujuh kilometer dari Kuala Terengganu) yang terletak di tepi jalan utama Kuala Terengganu-Kuala Berang.

Kampung Banggul Kemang terletak di sebelah kiri Jalan Serada, manakala Kampung Tirok pula terletak di sebelah kanannya (mengikut hala dari persimpangan di Pengadang Baru). Pola penempatan kedua-dua perkampungan itu sejajar dengan jalan raya, masing-masing terdiri daripada rumah yang bertaburan di kawasan berjarak kira-kira satu kilometer. Ada empat belas buah keluarga peranakan Cina menetap di Kampung Banggul Kemang. Sementara itu, bilangan keluarga peranakan Cina yang menetap di Kampung Tirok adalah lapan

buah. Kedua-dua perkampungan ini kampung pertanian. Secara tradisi, penduduk di situ menceburi aktiviti penanaman getah. Getah mula ditanam di situ pada tahun 1919 (Gosling 1964). Rumah mereka dikelilingi kebun kecil getah berkeluasan kira-kira satu setengah ekar. Mereka juga menanam pokok buah-buahan, seperti durian, duku, langsung, rambutan dan salak sebagai sumber pendapatan tambahan.

Penduduk Kampung Banggul Kemang dan Kampung Tirok mempunyai tali persaudaraan yang rapat. Mereka menganggap diri sebuah komuniti yang sama. Secara kolektif, mereka dikenali sebagai orang Cina Tirok. Justeru itu, nama Tirok digunakan untuk mewakili kedua-dua buah perkampungan itu. Jumlah penduduk tetap di Tirok adalah 73 orang. Bilangan penduduk tetap yang agak kecil ini disebabkan penghijrahan keluar orangnya, terutamanya generasi muda, yang tidak berminat mengambil alih aktiviti pertanian daripada generasi tua (kebanyakannya dalam lingkungan umur 60-an dan 70-an). Kebanyakan mereka menetap dan bekerja di Kuala Terengganu. Ada yang mendirikan keluarga di situ. Mereka hanya balik ke Tirok pada hujung minggu untuk beberapa jam sebelum pulang ke Kuala Terengganu lagi.

Kesan akulturasi amat ketara di kalangan generasi tua Tirok. Mereka memperlihatkan identiti Melayu yang berpunca daripada penerimaan beberapa amalan budaya orang Melayu. Tetapi, kesan akulturasi ini tidak membuat mereka diasimilasikan atau diserapkan secara sosial ke dalam masyarakat Melayu. Mereka masih berpegang teguh kepada beberapa amalan budaya Cina, seperti menyembah nenek moyang dan meraikan perayaan orang Cina. Kajian ini bermula dengan menelusuri sejarah penubuhan penempatan Tirok. Ia diikuti perbincangan tentang faktor yang mempengaruhi akulturasi generasi tua Tirok daripada orang Melayu tempatan. Ia berakhir dengan keterangan tentang beberapa manifestasi pengaruh budaya Melayu di kalangan generasi tua Tirok. Selain sumber sekunder, dapatan kajian ini juga diperolehi daripada temu bual mendalam yang telah dijalankan penyelidik di Tirok. Sebanyak empat kali kerja lapangan (setiap kali selama kira-kira seminggu) telah dijalankan di Tirok dari Januari 2010 hingga Oktober 2010.

SEJARAH PENUBUHAN PENEMPATAN DI TIROK

Dalam mengkaji migrasi dan asimilasi orang Cina luar bandar di Terengganu, L. A. P. Gosling (1964) telah menelusuri dua laluan migrasi orang Cina dari dua buah bandar pelabuhan ke kawasan pedalaman yang menyebabkan penubuhan penempatan Tirok pada lewat abad ke-19. Kedua-dua bandar pelabuhan itu ialah Kuala Terengganu (kini sebuah pusat perdagangan) yang terletak di muara Sungai Terengganu dan Marang (kini sebuah kampung nelayan) yang terletak di muara Sungai Marang. Kedua-dua bandar pelabuhan ini terletak kira-kira lapan belas kilometer antara satu dengan yang lain dengan Marang terletak di tenggara Kuala Terengganu. Migran Cina tiba di kedua-dua bandar pelabuhan ini dari wilayah Fujian, di selatan China pada akhir abad ke-18. Mereka kemudiannya berpindah ke kawasan pedalaman untuk menceburi aktiviti pertanian. Di

sepanjang laluan migrasi itu, mereka telah membuka, sekaligus meninggalkan banyak penempatan di tebing Sungai Terengganu dan Sungai Marang yang tidak lagi sesuai untuk aktiviti pertanian, terutamanya penanaman lada hitam, sebelum mereka membuka penempatan di Tirok. Ramai mereka sudah diasimilasikan, baik secara budaya mahupun secara biologikal oleh orang Melayu tempatan akibat berpindah ke kawasan Melayu. Kedua-dua laluan migrasi itu bermula pada masa yang agak sama, iaitu dalam dua dekad pertama abad ke-19. Sepanjang laluan migrasi ini, migran dari Marang dan Kuala Terengganu itu bertemu dan berlakulah perkahwinan sesama mereka.

Migran Cina di Marang terpaksa berpindah ke kawasan pedalaman di sepanjang Sungai Marang akibat kekurangan tanah yang sesuai untuk penanaman lada hitam untuk tujuan komersial dan penanaman padi untuk sara diri di kawasan pantai. Mereka mula berpindah ke Kampung Rawa pada tahun 1820 dan menanam lada hitam di lereng bukit di situ. Pada tahun 1840, mereka berpindah ke Perah kerana tanah di Kampung Rawa sudah tidak sesuai lagi untuk penanaman lada hitam akibat kehausan dan hakisan tanah yang serius (tanah yang ditanam dengan lada hitam jarang bertahan lebih tiga puluh tahun). Di Perah, migran Cina Marang menubuhkan dua buah penempatan, iaitu Kampung Sira dan Kampung Perah dengan Kampung Perah menjadi penempatan utama mereka. Selain menanam lada hitam dan padi di Kampung Perah, mereka menanam gambir secara komersial. Selama dua puluh tahun mereka menetap di Kampung Perah sebelum berpindah ke Kampung Tok Setol yang terletak kira-kira lima kilometer dari tebing selatan Sungai Terengganu. Perpindahan ini disebabkan mereka semakin bergantung pada Sungai Terengganu untuk mencapai laluan perdagangan utama bagi memasarkan hasil pertanian. Kira-kira enam puluh keluarga migran Cina Marang menetap di Kampung Tok Setol. Pada tahun 1880-an, migran Cina Marang mula berpindah ke penempatan yang lebih dekat dengan tebing selatan Sungai Terengganu dan pada sekitar tahun 1905, Kampung Tok Setol ditinggalkan sama sekali. Mereka membuka empat penempatan baru: Kampung Tirok, Kampung Pak Bilis, Batu Besar dan Kuala Som (sebuah penempatan sementara). Sehubungan itu, migran Cina Marang mengambil masa lapan puluh lima tahun untuk menubuhkan Kampung Tirok. Sementara itu, mereka yang tinggal di Kampung Pak Bilis dan Batu Besar mula menggantikan penanaman gambir yang tidak lagi menguntungkan dengan penanaman getah. Akibat terdesak untuk mendapat tanah baru untuk menanam getah, migran Cina Marang meninggalkan Kampung Pak Bilis pada tahun 1920 dan Batu Besar pada tahun 1935. Mereka berpindah ke Wakaf Tapai yang terletak di tepi jalan utama Kuala Terengganu-Kuala Berang yang baru dibuka. Wakaf Tapai menjadi penempatan tetap kepada ramai migran Cina Marang. Sesetengah migran Cina Marang yang sebelum ini tinggal di Kampung Tirok juga berpindah ke Wakaf Tapai. Perpindahan ini disebabkan kedudukan strategik Wakaf Tapai di tepi jalan raya utama Kuala Terengganu-Kuala Berang. Kini, ada sebuah perkampungan di Wakaf Tapai yang dikenali penduduk Melayu tempatan sebagai Cina Tirok. Kewujudan

perkampungan ini membuktikan perpindahan awal penduduk Tirok ke Wakaf Tapai.

Seperti migran Cina Marang, migran Cina Kuala Terengganu juga berpindah ke kawasan pedalaman untuk mencari tanah baru bagi menerokai aktiviti pertanian, terutamanya penanaman lada hitam. Tetapi, mereka kurang bernasib baik berbanding dengan migran Cina Marang kerana lembah Sungai Terengganu sudahpun padat dengan orang Melayu. Oleh sebab itu, tidak hairanlah bila berpindah ke Pulau Manir dekat tebing utara Sungai Terengganu pada tahun 1820, mereka terpaksa menggugurkan niat untuk menanam lada hitam dan sebaliknya mengikut jejak langkah orang Melayu menanam pokok di kebun dan sekitar kampung sebagai aktiviti pertanian utama mereka. Hal ini adalah pilihan wajar kerana aktiviti pertanian itu tidak memerlukan kawasan tanah yang luas. Tetapi, masih ada orang lagi ingin menceburi penanaman lada hitam. Pada tahun 1940, mereka ini berpindah ke Padang Ayer untuk menanam lada hitam di lereng bukit di situ. Usaha mereka ini bersifat sementara, kerana terpaksa berebut tanah dengan orang Melayu yang menanam padi huma di lereng bukit yang sama. Mereka terpaksa berpindah ke Pulau Babi (kini dikenali sebagai Pulau Bahagia). Selain menanam pokok di kebun dan sekitar kampung, mereka menanam getah. Mereka juga menernak babi untuk menampung permintaan penduduk Cina di Kuala Terengganu yang bilangannya semakin meningkat. Ramai daripada mereka kemudiannya berpindah ke Tirok. Kini, masih ada tiga keluarga Cina menetap di Pulau Babi. Bilangan migran Cina Kuala Terengganu yang berpindah ke Tirok jauh mengatasi bilangan migran Cina Marang. Selain Tirok, migran Cina Kuala Terengganu juga membuka penempatan di Kampung Pa' Hak atau Cina Hak, Kampung Naga Mengelor dan Kuala Som dalam dekad-dekad awal abad ke-20. Kesemuanya tidak lama kerana ditinggalkan mereka pada akhirnya.

Gosling telah memberi dokumentasi sejarah dengan komprehensif tentang penubuhan penempatan Tirok. Tetapi, setelah merujuk secara khusus kepada laluan migrasi Kuala Terengganu-Tirok, dokumentasi ini mungkin boleh dipertikaikan. Wang Yao (2003), seorang sejarawan, dalam kajiannya tentang sejarah awal orang Cina di Singapura dan Malaysia menyebut bahawa migran awal di Kuala Terengganu sebenarnya berasal dari Pulau Babi, Tirok dan Cepoh – tiga buah penempatan terawal di Terengganu. Seorang warga emas di Kuala Terengganu juga mengesahkan Pulau Babi adalah salah sebuah penempatan Cina yang terawal di Terengganu. Menurut Yan Yaozhou (dalam lingkungan umur 80-an), migran Cina yang datang ke Terengganu itu mula-mulanya menetap di Pulau Babi, kira-kira empat belas kilometer dari muara Sungai Terengganu. Hal ini disebabkan Kuala Terengganu sudah padat dengan orang Melayu, maka tanah untuk bercucuk tanam amatlah terhad. Selain itu, mereka kurang pasti sama ada orang Melayu di bandar pelabuhan itu akan mengalu-alukan kedatangan mereka. Tambahan pula mereka kawatir akan menjadi mangsa lanun yang beroperasi di sepanjang pesisir pantai. Setelah pasti bahawa kepentingan dan keselamatan mereka terjamin, barulah mereka berpindah ke bandar pelabuhan itu

dan menceburi aktiviti perniagaan. Ramai migran yang datang kemudiannya terus menetap di bandar pelabuhan itu, walaupun ada yang berpindah ke Pulau Babi untuk menceburi aktiviti pertanian.

FAKTOR YANG MEMPENGARUHI AKULTURASI PENDUDUK CINA DI TIROK

Akulturasi penduduk Cina Tirok didasari hakikat bahawa mereka adalah golongan minoriti yang menetap di kawasan dominasi orang Melayu. Walaupun bukan semua golongan minoriti akan diakulturasikan golongan majoriti, namun dalam kes penduduk Cina di Tirok, memang itu adalah faktor yang kukuh yang mendorong integrasi mereka dengan orang Melayu tempatan. Salah satu cara untuk memupuk integrasi dengan penduduk Melayu tempatan ialah menerima amalan budaya Melayu. Martin Marger (2003) menegaskan penerimaan ciri budaya golongan majoriti akan memberi kelebihan sosial kepada golongan minoriti untuk diterima menjadi sebahagian daripada komuniti yang lebih besar itu. Van den Berghe (1981) pula berpendapat adalah bermanfaat kepada golongan minoriti itu mempelajari cara hidup golongan dominan kerana dalam proses ini, golongan minoriti akan menjadi lebih mirip dengan golongan dominan, lantaran itu, lebih senang diterima. Selain itu, James A. Banks (1999) menegaskan golongan dominan dalam masyarakat biasanya agak berjaya dalam memastikan agar golongan lain menyesuaikan dirinya dengan budaya dan nilai lain kerana kuasa yang dimilikinya. Namun, akulturasi golongan minoriti kerana golongan majoriti tidak mungkin berlaku tanpa dibantu interaksi etnik secara kerap.

Akibat akulturasi, penduduk awal Cina di Tirok sudah menerima beberapa aspek budaya Melayu. Hal ini telah menonjolkan keunikan identiti mereka sebagai peranakan Cina. Generasi Cina tua yang kini menetap di Tirok masih mengekalkan identiti ini. Kebanyakan mereka adalah generasi ketiga daripada migran yang terawal yang tiba di Tirok. Dalam bahagian ini, penyelidik cuba menerangkan faktor yang sama ada mewajibkan atau mendorong interaksi antara penduduk Cina dengan penduduk Melayu di Tirok memandangkan interaksi etnik menyediakan asas kepada akulturasi itu. Dalam sesi temu bual, penyelidik meminta generasi tua Tirok mengimbuai kembali detik-detik kehidupan mereka dari tahun 1940-an hingga 1960-an, iaitu zaman mereka membesar di Tirok, untuk mencungkil faktor yang mempengaruhi akulturasi mereka daripada penduduk Melayu tempatan. Dapatan temu bual itu menunjukkan akulturasi boleh dikaitkan dengan kombinasi tiga faktor. Pertama, mereka terkurung di alam persekitaran Melayu kerana mundurnya kemudahan pengangkutan. Kedua, mereka melalui proses pendidikan yang sama dengan penduduk Melayu. Ketiga, hubungan Cina-Melayu yang akrab di Tirok. Walaupun identiti peranakan Cina ini mungkin diwarisi daripada generasi sebelumnya, namun tanpa pengukuhan faktor-faktor ini, identiti ini pasti akan terhakis. Hal ini disebabkan identiti bukanlah statik seperti yang dipertahankan golongan *primordialist*. Golongan ini melihat ciri

budaya atau penanda etnik sebagai sesuatu yang 'diberikan' dengan kelahiran orang itu ke dalam suatu kumpulan etnik. Ciri budaya atau penanda etnik ini menggabungkan ahli-ahlinya dalam suatu kumpulan etnik kepada satu entiti yang mempunyai identiti yang spesifik dan identiti ini tidak boleh ditarik balik daripada ahli-ahli kumpulan etnik itu. Dengan kata lain, ciri budaya atau penanda etnik itu dianggap sebagai *historical 'given'* (Geertz 1963). Di pihak lain, identiti dianggap sesuatu yang cair oleh golongan *situationist*. Golongan ini menegaskan identiti bukanlah entiti yang tetap, maka selalu berada dalam keadaan subjektif yang dinamik dengan dipengaruhi pengalaman interaksi sosial individu serta kuasa sosial yang lain (Tan 1988). Bagi golongan ini, identiti itu dibentuk, dikembang, diubah dan dikekalkan dalam sepanjang hayatnya tertakluk kepada pelbagai keadaan rundingan identiti (Liebkind 1989). Sesungguhnya, golongan *situationist* itu lebih mementingkan sempadan etnik yang bersifat subjektif dalam pembentukan identiti dan bukannya penanda etnik yang berteraskan ciri budaya yang bersifat objektif (Barth 1969). Oleh sebab itu, adalah penting untuk mengenal pasti faktor-faktor yang sama ada mengukuh atau melemahkan pengekalannya sesuatu kumpulan etnik.

Akibat mundurnya kemudahan pengangkutan, generasi tua Tirok kini yang membesar dari tahun 1940-an hingga tahun 1960-an itu sudah terkurung di alam persekitaran orang Melayu. Menurut seorang penduduk generasi tua, hanya ada sebatang jalan tanah liat di Tirok di zaman mudanya (pada tahun 1950-an) dan jalan itu menjadi becak sepanjang musim hujan. Oleh sebab masalah pengangkutan, dia hanya boleh pergi ke bandar dengan bot layar sekali setahun untuk membeli barang keperluan sempena perayaan Tahun Baru Cina. Perjalanan ke bandar lazimnya mengambil masa panjang kerana bot layar itu bergerak perlahan, selain perlu berhenti di banyak tempat. Ternyata bahawa kebergantungan pada pengangkutan air ini telah menyekat mobiliti geografi penduduk Cina Tirok. Jalan raya tar yang ada kini di Tirok itu hanya siap pada akhir tahun 1970-an. Walaupun sebahagian jalan raya itu sudah diturap pada pertengahan tahun 1970-an, keadaannya yang sempit dan berbengkang bengkak itu tidak menggalakkan pengangkutan jalan raya. Kemudahan pengangkutan bas awam di Tirok yang bermula pada tahun 1960-an itu tidak meningkatkan tahap mobiliti geografi penduduk Cina Tirok. Ketersampaian ke bandar tetap menjadi masalah besar. Hal ini disebabkan perkhidmatan bas awam yang ditawarkan Syarikat Bas Terengganu itu bukanlah perkhidmatan terus ke bandar. Ia menghubungkan Tirok dengan dua buah terminal bas, iaitu di Pengadang Baru (kira-kira sepuluh kilometer dari Tirok) dan di Bukit Payung (kira-kira lima belas kilometer dari Tirok). Penumpang yang hendak ke bandar perlu menaiki bas lain dari terminal itu. Memandangkan Syarikat Bas Terengganu hanya sanggup menawarkan kira-kira dua kali perkhidmatan bas sehari, maka penduduk Tirok terus bergantung pada pengangkutan air ke bandar. Walaupun pengangkutan air sudah bertambah baik pada tahun 1960-an, perjalanan ke bandar tetap mengambil masa yang panjang. Seperti yang diimbas kembali oleh seorang

penduduk generasi tua, bot yang pernah dia naiki ke bandar pada tahun 1960-an itu digerakkan enjin kecil dan hanya muat kira-kira 20 orang penumpang. Menurutnya, bot itu tidak dapat bergerak laju, terutamanya dalam perjalanan ke hilir sungai. Selain perlu berhenti banyak kali, perjalanannya juga kadangkala terganggu oleh laluan sungai yang cetek semasa air sungai surut. Pada amnya, perjalanan ke bandar tetap mengambil masa yang panjang. Sebagai persediaan untuk menghadapi perjalanan yang memakan masa, dia membawa bersama bekalan untuk dimakan tengah hari dalam perjalanan ke bandar. Kesemua masalah ini menghalangnya pergi ke bandar dengan lebih kerap lagi. Oleh sebab kemunduran kemudahan pengangkutan, penduduk Cina Tirok tidak berpeluang kerap berinteraksi dengan orang Cina di bandar sepanjang tahun 1940-an, 1950-an dan 1960-an. Kalau bukan kerana masalah pengangkutan ini, interaksi penduduk Cina Tirok secara kerap dengan orang Cina di bandar pasti akan menghasilkan pola enkulturasi yang berbeza.

Berdasarkan perbincangan tadi, ternyata generasi tua Tirok kini menghadapi masalah mobiliti geografi yang menyebabkan mereka terkurung di alam persekitaran orang Melayu semasa membesar di Tirok dahulu. Akibatnya, mereka tidak ada pilihan lain daripada berinteraksi dengan orang Melayu tempatan agar tidak dialienasikan atau didiskriminasikan masyarakat dominan tempatan. Dalam keadaan terkurung itu, memang tidak bermanfaat kepada mereka untuk hidup secara terasing daripada orang Melayu tempatan, lebih-lebih lagi mereka perlu bergantung pada orang Melayu tempatan untuk mendapatkan barang keperluan harian. Kebanyakan barang makanan harian itu dibeli daripada gerai Melayu atau penjaja Melayu yang menjual barangan dari rumah ke rumah. Kesemua ini mendorong orang Cina di Tirok berinteraksi dengan orang Melayu tempatan dan dalam proses interaksi ini, mereka telah diakulturasikan orang Melayu tempatan. Seperti yang ditegaskan Van den Berghe (1981), kumpulan kecil adalah lebih senang diakulturasikan kerana mereka kekurangan sumber, maka terpaksa bergantung pada masyarakat yang lebih besar dan hal ini berkehendakkan mereka berinteraksi secara kerap dengan ahli kumpulan luar.

Kedua, semasa membesar di Tirok, generasi tua Tirok kini pergi ke sekolah yang sama dengan orang Melayu tempatan, iaitu sebuah sekolah pondok Melayu. Sekolah ini boleh muat kira-kira 60 hingga 70 orang pelajar. Adalah mustahil bagi mereka pergi ke sekolah Cina di bandar kerana masalah pengangkutan. Lagipun, kebanyakan keluarga itu miskin, maka tidak mempunyai wang tambahan untuk membenarkan mereka pergi ke sekolah Cina itu. Daripada belajar di sekolah yang sama, mereka berpeluang berinteraksi dengan orang Melayu. Interaksi ini berlanjutan ke luar sekolah dan dalam proses interaksi ini, ramai orang Melayu telah menjadi kawan baik mereka.

Akhir sekali, interaksi dengan orang Melayu tempatan tidak mungkin terjalin tanpa didorong hubungan orang Cina-Melayu yang akrab di Tirok. Rata-ratanya, orang Cina generasi tua di Tirok kini tidak ada masalah berinteraksi dengan orang Melayu tempatan semasa membesar di Tirok. Menurut seorang informan

tua, “pada zaman muda, kami bergaul bebas dengan penduduk Melayu tempatan baik di sekolah atau di luar sekolah. Memang tidak ada tanda berlakunya perasaan prasangka atau permusuhan yang menjejaskan hubungan baik antara penduduk Cina dengan penduduk Melayu tempatan. Malahan, hubungan kami begitu rapat sehingga kami rela berkongsi makanan”. Seorang lagi informan tua memberi contoh tentang hubungan Cina-Melayu yang akrab di Tirok. Menurutnya saling menziarahi semasa musim perayaan adalah amalan biasa di Tirok pada zaman mudanya. Orang Cina akan menziarahi rumah orang Melayu semasa perayaan Hari Raya Aidilfitri dan mereka akan dihadiahkan buah tangan berupa lemang. Begitu juga semasa perayaan Tahun Baru Cina, orang Melayu menziarahi rumah orang Cina dan mereka akan dihadiahkan buah tangan berupa kuih bakul. Orang Melayu begitu suka kuih bakul sehingga jiran Cina terpaksa bertungkus lumus menyediakannya dengan secukupnya untuk dihadiahkan. Amalan saling menziarahi ini telah merapatkan hubungan silaturahim antara penduduk Cina dengan penduduk Melayu di Tirok, dan memantapkan lagi proses akulturasi di kalangan penduduk Cina.

PENGARUH BUDAYA MELAYU DI KALANGAN PERANAKAN CINA DI TIROK

Antara manifestasi pengaruh budaya Melayu di kalangan peranakan Cina Tirok, terutamanya generasi tua, ialah kebolehan mereka bertutur dalam dialek Melayu Terengganu. Kefasihan pertuturan mereka setanding dengan penutur asli. Mereka mendapat kemahiran bahasa ini daripada pendidikan aliran Melayu serta interaksi secara kerap dengan orang Melayu tempatan. Mereka bukan sahaja menggunakan dialek Melayu Terengganu dalam pertuturan interetnik - dengan penduduk Melayu tempatan, malahan mencampuradukkannya ke dalam pertuturan intraetnik mereka (bahasa pertuturan intraetnik mereka ialah dialek Hokkien). Kadangkala, mereka menggunakan dialek Melayu Terengganu sepenuhnya dalam pertuturan intraetnik. Mereka langsung tidak merasa janggal menggunakan dialek Melayu Terengganu sesama mereka. Hal ini menandakan tahap akulturasi bahasa yang tinggi memandangkan kebanyakan orang Cina di negara ini masih menganggap bahasa Melayu bahasa orang Melayu dan tidak sanggup bertutur dalam bahasa Melayu sesama orang Cina. Penggunaan dialek Melayu Terengganu secara berleluasa di kalangan peranakan Cina Tirok telah menjadikan dialek itu salah satu simbol identiti penting kepada mereka. Perlu dinyatakan di sini bahawa sebagai simbol identiti, bahasa mempunyai nilai tersendiri dan oleh itu, kefasihan berbahasa, pertuturan bahasa dan keserbabolehan berbahasa akan dengan khususnya memperlihatkan nilai dan hak tersendiri yang menjangkau apa yang disebut atau mesej yang ingin disampaikan (Fishman 1977). Pendek kata, bahasa bukan sahaja memperlihatkan kesignifikan budaya sebagai pembawa makna yang khusus, tetapi juga menjadi

cara untuk menandakan sempadan etnik (Alba 1990). Oleh sebab itu, dari segi peranan bahasa sebagai penanda etnik, generasi tua peranakan Cina Tirok telah mengidentifikasikan diri dengan identiti Melayu.

Satu lagi manifestasi pengaruh budaya Melayu di kalangan generasi tua peranakan Cina Tirok ialah rumah kediaman mereka mirip dengan rumah tradisional Melayu. Mereka menetap di rumah papan yang bertiangkan kayu dengan lantainya beberapa kaki dari permukaan bumi dengan tangga di depan rumah. Rumah ini mempunyai serambi yang berfungsi sebagai ruang tamu. Dari perspektif seni bina rumah kediaman, tahap akulturası peranakan Cina Tirok telah menjangkau Baba di Melaka yang rata-ratanya menetap di rumah yang tidak mempunyai ciri-ciri seni bina Melayu tradisional.

Manifestasi lain tentang pengaruh budaya Melayu di kalangan generasi tua peranakan Cina Tirok juga boleh dilihat dari segi pakaian. Pakaian di rumah mereka mirip pakaian Melayu kampung. Lelaki memakai sarung dan jarang berbaju. Sementara itu, perempuan memakai sarung dengan baju berlengan pendek dan kolar berbentuk sireh yang dibuat daripada kain batik bercorak bunga. Baju ini dikenali penduduk tempatan sebagai Baju Siam, mengambil sempena pengaruh Siam ke atasnya. Baju Siam itu sedikit berbeza daripada baju yang dipakai perempuan Melayu di Terengganu yang mirip Baju Kurung Kedah. Lengan Baju Kurung Kedah lebih panjang daripada Baju Siam, iaitu sehingga tiga perempat lengan. Selain itu, Baju Siam dan Baju Kurung Kedah juga berbeza dari segi labuhnya. Sementara labuh Baju Siam tidak melepasi garis pinggang, labuh Baju Kurung Kedah pula melepasinya. Satu lagi perbezaan ialah Baju Kurung Kedah mempunyai celar pendek tegak pada garis leher yang dipasang dengan satu butang, manakala Baju Siam pula mempunyai sebaris butang seperti kemaja lelaki. Sekalipun ada perbezaan ini, Baju Siam tetap dikaitkan dengan pakaian ala Melayu. Corak Baju Siam dan Baju Kurung Kedah yang agak sama ini memang tidak begitu memeranjatkan memandangkan kedua-dua negeri Kedah dan Terengganu pernah terletak di bawah naungan politik Siam sejak akhir abad ke-18 hingga awal abad ke-19. Namun, corak Baju Kurung Kedah telah diubahsuai mengikut lunas Islam yang menekankan pentingnya menutup aurat.

Masakan peranakan Cina Tirok kuat dipengaruhi masakan Melayu. Ia berkembang atas penerapan rempah ratus dan bahan masakan Melayu yang lain. Rosita Abdullah (2009:42) telah memberi keterangan yang komprehensif tentang masakan peranakan Cina Tirok:

Jenis masakan [peranakan Cina Tirok] berbeza secara ketara daripada orang Cina bukan peranakan dari segi penggunaan cili dan asam jawa secara liberal dan makanan mereka terdiri daripada pelbagai jenis masakan asam pedas (secara literal masam dan pedas). Budu, sejenis sos atau perasa berbau hancing yang secara tradisinya dihasilkan daripada proses penapaian ikan dengan garam, digunakan secara liberal dalam masakan mereka. Gula Melaka dan asam jawa juga dicampur ke dalam masakan dan hasil masakan bergantung kepada kadar

campuran bahan tersebut. Kicap manis Melayu yang dibuat daripada budu, gula Melaka, serai, lengkuas dan daun limau purut atau daun limau abung juga sering digunakan dalam masakan mereka. Rempah ratus seperti ketumbar dan biji bijan juga dicampur ke dalam masakan mereka. Masakan Terengganu lain yang digemari mereka termasuk tempoyak (pasta durian) dan bawang jeruk (sejenis pembuka selera yang dibuat daripada bawang putih).

Masakan peranakan Cina Tirok mengandungi elemen penghibridan yang signifikan, hasil daripada campuran masakan Cina dan masakan Melayu. Misalnya, Sup Budu (dikenali sebagai *Bakunkei* dalam dialek Hokkien) adalah juga masakan popular dengan peranakan Cina Tirok, tetapi ia mengandungi daging tulang rusuk khinzir yang dimasak dengan bawang, lada hitam, halia dan budu. Campuran budu ke dalam masakan ini boleh dikaitkan sebagai pengaruh masakan Melayu. Sementara itu, daging khinzir menjadi sumber daging utama masakan Cina. Berbeza daripada orang Cina, orang Melayu yang menganut agama Islam dilarang makan daging khinzir. Satu lagi contoh masakan hibrid peranakan Cina Tirok yang menampakkan campuran masakan Cina-Melayu ialah daging khinzir yang dimasak bersama belacan. Selain masakan hibrid, masakan yang diminati peranakan Cina Tirok juga termasuk masakan Melayu Terengganu seperti Ikan Singgang (dikenali sebagai *Hukun* dalam dialek Hokkien), iaitu sama ada ikan kembong atau ikan tongkol (dikenali orang Terengganu sebagai ikan aya) yang dimasak dengan asam pedas dan lengkuas. Ulam – sejenis hidangan sampingan tradisional Melayu yang disaji dengan budu atau sambal belacan juga amat digemari peranakan Cina Tirok. Peranakan Cina Tirok makan dengan tangan seperti orang Melayu dan bukan dengan kayu sepiat atau garpu dan sudu seperti kebanyakan orang Cina. Mereka sudah biasa dengan cara makan ini. Sesetengah lelaki generasi tua menghisap rokok daun, terutamanya selepas makan. Rokok daun amat popular di kalangan orang Melayu luar bandar.

Akhir sekali, dari segi mewarisi harta pusaka, peranakan Cina Tirok berbeza daripada amalan biasa orang Cina di Malaysia yang lazimnya hanya memberi hak kepada pewaris lelaki. Seperti yang diketahui, cara mereka membahagikan harta pusaka agak mirip cara orang Islam membahagikan harta pusaka dan hal ini adalah pengaruh daripada kebudayaan Melayu. Pada amnya, peranakan Cina Tirok tidak mengamalkan dasar diskriminasi dengan mengutamakan anak lelaki dan meminggirkan anak perempuan. Anak perempuan tetap diberi hak untuk mewarisi harta pusaka, biarpun sudah berkahwin. Hal ini amat berbeza daripada amalan biasa orang Cina yang menganggap anak perempuan yang sudah berkahwin itu sudah bukan lagi anggota keluarga, maka tidak berhak mewarisi harta pusaka. Tetapi, peranakan Cina Tirok tidak mengikut nisbah yang tetap dalam membahagikan harta pusaka. Ada keluarga membahagikan harta pusaka secara saksama antara pewaris lelaki dan perempuan. Ada pula memberi dua bahagian kepada pewaris lelaki dan sebahagian kepada pewaris perempuan. Walaupun mungkin terdapat faktor lain yang mempengaruhi tatacara peranakan

Cina Tirok membahagikan harta pusaka, tetapi adalah wajar untuk mengaitkan tatacara ini dengan amalan budaya Melayu yang berteraskan Islam, memandangkan mereka hidup di alam persekitaran orang Melayu.

KESIMPULAN

Tirok adalah antara penempatan yang terawal di Terengganu yang telah ditubuhkan migran Cina pada lewat abad ke-19 untuk menerokai sektor pertanian. Oleh sebab menetap di kawasan orang Melayu, ramai daripada mereka itu sudah diakulturasi orang Melayu dan menunjukkan identiti peranakan Cina. Generasi tua yang menetap di Tirok kini masih menunjukkan identiti peranakan Cina. Akulturasi generasi tua di tangan orang Melayu itu memang tidak dapat dielakkan memandangkan semasa membesar di Tirok, mereka terkurung di alam persekitaran orang Melayu akibat mundurnya kemudahan pengangkutan. Sebagai golongan minoriti, mereka perlu berinteraksi dengan orang Melayu tempatan untuk mengelakkan diri daripada dialienasikan atau didiskriminasikan masyarakat dominan tempatan, lebih-lebih lagi perlu bergantung pada masyarakat Melayu untuk mendapat barang keperluan setiap hari. Selain itu, mereka telah melalui proses pendidikan yang sama dengan orang Melayu tempatan. Proses ini membolehkan mereka berinteraksi secara kerap dengan orang Melayu yang berkenaan sejak umur kecil lagi. Akhir sekali, hubungan orang Cina-Melayu yang akrab di Tirok memantapkan lagi proses interaksi orang Cina dengan orang Melayu tempatan. Kombinasi kesemua faktor ini telah menyebabkan mereka diakulturasi orang Melayu. Akibat akulturasi ini, generasi tua Tirok menunjukkan ciri dwiidentiti. Selain identiti Cina, mereka juga menunjukkan identiti Melayu dari segi bahasa pertuturan, seni bina rumah kediaman, pakaian, masakan, cara makan dan tatacara pembahagian harta pusaka.

RUJUKAN

- Alba, R.A. 1990. *Ethnic Identity: the Transformation of White American*. New Haven: Yale University Press.
- Banks, J.A. 1999. *An Introduction to Multicultural Education*. Needham Heights: Allyn & Bacon.
- Barth, F. 1969. *Ethnic Groups and Boundaries*. Boston: Little, Brown and Company.
- Fishman, J.A. 1977. Language and ethnicity. DLM H. Giles (ed.). *Language, Ethnicity and Intergroup Relations*: 15-57. London: Academic Press.
- Geertz, C. 1963. The integrative revolution: Primordial sentiments and civil politics in the new states. DLM C. Geertz (ed.). *Old Societies and New States: the Quest for Modernity in Asia and Africa*: 105-157. New York: Free Press of Glenco,
- Gosling, L.A.P. 1964. Migration and assimilation of rural Chinese in Trengganu. DLM J. Bastin dan R. Roolvink (ed.). *Malayan and Indonesian Studies*. Essay presented to Sir Richard Winstedt on his eighty-fifth birthday: 203-221. Oxford: The Clarendon Press.

- Liebkind, K. 1989. The identity of a Minority. *Journal of Multilingual and Multicultural Development* 10(1), 47-57.
- Marger, M.N. 2003. *Race and Ethnic Relations: America and Global Perspectives*. USA: Wadsworth/Thompson Learning.
- Rosita Abdullah 2009. *Kulit Manis: a Taste of Terengganu's Heritage*. Kuala Lumpur: My Viscom.
- Tan Chee Beng 1988. *The Baba of Melaka: Culture and Identity of a Chinese Peranakan Community in Malaysia*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- _____. 1993. *Chinese Peranakan Heritage in Malaysia and Singapore*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- _____. 2002. *Chinese Minority in a Malay State: the Case of Terengganu in Malaysia*. Singapore: Eastern Universities Press.
- Unit Perancangan Ekonomi Negeri Terengganu. 2008. *Data Asas Negeri Terengganu 2008*. Kuala Terengganu: Unit Perancangan Ekonomi Negeri Terengganu.
- Van den Berghe 1981. *The Ethnic Phenomenon*. New York: Elsevier.
- Wang Yao, 2003. *Xingma Huarenshe* (Sejarah Orang Cina Singapura dan Malaysia). Cetakan semula. Kuala Lumpur: Action Foundation.

(Sumber asal makalah ini ialah sebahagian daripada laporan penyelidikan yang dibiayai geran universiti penyelidikan Universiti Sains Malaysia [1001/CDASAR/816133] dengan judul *Identity Maintenance and Identity Shift: the Case of the Tirok Chinese Peranakan in Terengganu*)

Penulis dan penterjemah: Tan Yao Sua, Ph.D.
Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa
Universiti Sains Malaysia
11800 USM Pulau Pinang

Emel: yaosua@usm.my